

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah tiada tindakan segera oleh Bank Negara terhadap syarikat yang telah disenarai hitam di mana syarikat-syarikat tersebut telah pun menerima jutaan duit pelaburan daripada rakyat yang telah menjadi mangsa terutamanya warga emas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyenaraian syarikat-syarikat dalam laman sesawang oleh Bank

**Negara Malaysia bukanlah berbentuk penyenarai hitaman (*blacklisting*)** oleh pengawal selia tetapi lebih merupakan sebagai platform kepada orang ramai supaya berhati-hati dalam membuat sebarang bentuk pelaburan dengan menyemak terlebih dahulu latar belakang syarikat pelaburan serta mengenal pasti modus operandi atau operasi syarikat tersebut.

Kaedah penyenaraian syarikat-syarikat dalam laman sesawang ini adalah berdasarkan kepada aduan dan pertanyaan yang diterima dari orang ramai. Di samping itu, maklumat juga diperolehi dari kerja-kerja risikan yang dijalankan oleh pengawal selia. Dari segi aspek pemantauan ke atas penyenaraian syarikat, pada kebiasaannya, maklumat yang disalurkan oleh orang ramai memerlukan penelitian lanjut serta pengumpulan bukti kukuh bahawa sesuatu kesalahan di bawah undang-undang telah dilakukan atau mempunyai '*reasons to believe*' sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan dapat diambil. Penelitian ini diambil bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan yang terburu-buru atau melulu yang mungkin boleh menjaskan sesuatu perniagaan yang sah. Kegiatan yang dilakukan juga mungkin tidak terletak di bawah bidang

kuasa Bank Negara dan akan dirujuk kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan.

Terdapat dua laman sesawang yang disediakan oleh Bank Negara:

1. Laman sesawang “Amaran Penipuan Kewangan” atau “*Financial Fraud Alert*” adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai status siasatan kes-kes yang disiasat di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh Bank Negara.
2. Laman sesawang Peringatan Kepada Pengguna atau “*Financial Consumer Alert*” bertujuan memberitahu orang ramai mengenai senarai syarikat dan laman sesawang yang telah disalah anggap sebagai mendapat lesen, kelulusan atau dibenarkan oleh pengawal selia berkenaan untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Senarai ini diperkenalkan sebagai memberi panduan dan rujukan kepada orang ramai supaya berhati-hati ketika membuat keputusan berhubung dengan pelbagai perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh pihak yang tidak berlesen.

Melalui perkhidmatan **Laman Informasi Nasihat & Khidmat**

**(LINK) dan TELELINK** BNM, orang ramai juga boleh membuat aduan, pertanyaan mahupun menyalurkan sebarang maklumat berkaitan dengan pengambilan deposit haram melalui panggilan telefon, sms, e-mel atau faksimile.